

Media Monitoring

Publication: **Berita Harian – Nasional (Online)**

Circulation/Audience:

Date: **29 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Korporat patut bantu promosi,taja peserta**

Korporat patut bantu promosi,taja peserta

KUALA TERENGGANU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa penyertaan sektor korporat untuk memainkan fungsi menerusi penajaan untuk memperkukuhkan usaha kerajaan dalam menjayakan Piala Monsun yang berlangsung di Teluk Warisan, Pulau Duyong, di sini.

Perdana Menteri berkata, sektor korporat dan swasta digalakkan untuk memberikan perhatian serius terhadap usaha memastikan masyarakat di negara ini memahami dan menghargai kepentingan Piala Monsun supaya matlamat penganjuran kejohanan bertaraf dunia itu memberi kesan maksimum.

Beliau berkata, Piala Monsun bukan saja perlu dilihat sebagai program sukan tetapi juga kejohanan yang mampu memacu perkembangan sektor pelancongan dan pembangunan berasaskan industri maritim.

Katanya, kejayaan penganjuran Piala Monsun menunjukkan ada kelebihan di sebalik kekurangan yang membolehkan masyarakat memanfaatkannya.

"Tidak pernah sebelum ini musim tengkujuh mencipta keadaan seperti itu. Sebelum ini, masyarakat menjauhkan diri daripada berdepan dengan musim tengkujuh tetapi kini ramai yang berkunjung dan semua pihak mempunyai sesuatu untuk dilakukan.

"Kita perlu mengubah persepsi untuk menjadi lebih kompetitif dalam kita menjayakan Wawasan 2020. Saya gembira menyaksikan Piala Monsun membawa kita lebih dekat dalam mencapai matlamat itu," katanya dalam buku cenderamata program rasmi Piala Monsun 2007.

Perdana Menteri berkata, tahun lalu, T-Best Events menyahut cabaran dalam menganjur dan menguruskan kejohanan pelayaran bertaraf dunia yang mampu menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, pihak berkenaan mampu melakukannya dalam tempoh enam bulan pada penganjuran pertama dan penganjuran Piala Monsun yang memasuki musim ketiga tahun ini menempatkan kejohanan itu lebih kompetitif dan profesional.

"Kejohanan Piala Monsun mendekatkan rakyat negara ini terhadap kejohanan kapal layar dunia. Kini kita perlu melangkah lebih jauh dan memastikan rakyat Malaysia juga mempunyai tempat atau sebaris dengan pelayar dunia," katanya.

Abdullah berkata, usaha T-Best Events menganjurkan pertandingan pelayaran peringkat negara dan Asia mampu memacu pembangunan ahli sukan dalam pertandingan bertaraf antarabangsa, sekali gus menjadi antara matlamat negara untuk memastikan penyertaan rakyat negara ini pada peringkat dunia.

Beliau mengharapkan T-Best Events dan Piala Monsun 2007 akan mencapai kejayaan.